

BAB 1

USAHAWAN INDUSTRI KECIL BUMIPUTERA

Pengenalan

Usahawan dan keusahawanan merupakan antara faktor yang penting di dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Kebanyakan pengkaji berpendapat bahawa kedua-duanya merupakan pembolehubah utama yang menghubungkan lingkungan sosiobudaya dengan kadar pertumbuhan ekonomi (Cole, 1986; Mc Connell, 1973; Stigler, G.J., 1976). Mc Connell umpamanya menyatakan bahawa peranan usahawan adalah penting untuk perkembangan ekonomi kerana beliau menjalankan keempat-empat fungsi ekonomi, iaitu menggabungkan sumber-sumber, membuat keputusan, mengambil risiko dan memperkenalkan pembaharuan. Usahawan juga merupakan sebahagian daripada gabungan faktor-faktor pengeluaran. Dalam hal demikian, ia menjadi kuasa pengubah di dalam kehidupan dan ekonomi (Caroll, 1965; Sayigh, 1962).

Industrialisasi merupakan salah satu cara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi. Oleh sebab pentingnya industrialisasi kepada pembangunan ekonomi, maka peranan usahawan industri perlu diberi perhatian kerana mereka lah yang menyelaraskan faktor-faktor pengeluaran.

Maju mundurnya proses industrialiasasi itu bergantung kepada bekalan usahawan-usahawan yang mahir. Dalam hubungan ini, seringkali diperkatakan bahawa bekalan usahawan dan kemahiran keusahawanan merupakan satu faktor yang sukar diperolehi di dalam sebuah negara. Wujudnya kekurangan ini juga membawa implikasi politik, dalam mana *state* atau kerajaan perlu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi amnya dan pembangunan keusahawanan khususnya.

Usahawanan Bumiputera: Perkembangan, Kepentingan dan Masalah

Penglibatan Bumiputera di dalam perdagangan dan industri merupakan isu semasa yang kompleks dan sensitif. Kelahiran mereka tidak melalui proses asilimilasi atau daripada budaya niaga orang Melayu. Ini disebabkan selepas penjajahan, orang Melayu lebih tertumpu kepada bidang pertanian dan hidup di kampung. Keadaan ini lebih buruk lagi apabila kebanyakan usahawan Bumiputera dilahirkan dalam sistem pelajaran yang kurang berorientasikan perniagaan. Hasil daripada sistem inilah golongan usahawan Bumiputera yang ingin berniaga tetapi kurang mempunyai pengetahuan, pengalaman, sikap serta nilai keusahawanan yang positif.

Wujudnya ketidakseimbangan ekonomi mengikut kaum merupakan gejala yang tidak sihat bagi masyarakat majmuk seperti Malaysia. Keadaan ini boleh membawa kepada masalah sosioekonomi antara kaum. Menyedari kemungkinan itu, maka kerajaan telah mengambil langkah penting untuk memperbaiki kedudukan ekonomi kaum Bumi-putera melalui penggubalan dan perlaksanaan Dasar Ekonomi baru (DEB) dalam tahun 1970.

Objektif utama yang terkandung di dalam dasar tersebut ialah untuk menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi di dalam pembahagian pendapatan, pekerjaan dan pemilikan harta benda dan juga untuk mewujudkan ekonomi yang seimbang dalam satu jangkamasa yang ditetapkan (RMK, 1971: 36-48). Kedudukan ekonomi yang seimbang yang Malaysia perlukan ialah ekuiti ekonomi yang seimbang. Dalam konteks ini, matlamat DEB ialah,

"...dalam tahun 1990, orang-orang Melayu dan Bumiputera lain akan mengendalikan dan menguasai 30% daripada keseluruhan kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam setiap kategori dan peringkat-peringkat..." (RMK, 1971: 48).

Salah satu cara untuk mencapai matlamat tersebut ialah dengan mewujudkan sebuah komuniti perdagangan dan

perusahaan Bumiputera dan mempertingkatkan penglibatan mereka dalam bidang ini secara kuantitatif dan kualitatif. Dalam konteks ini, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan positif ke arah memberi rangsangan dan mewujudkan iklim sosioekonomi yang menggalakkan penglibatan kaum Bumiputera dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa agensi kerajaan dan perusahaan awam bagi mempercepatkan proses penubuhan komuniti perdagangan dan perusahaan Bumiputera (Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000: 105-131). Usaha secara langsung dan tidak langsung telah disalurkan melalui agensi-agensi dan badan-badan tersebut.

Dalam meninjau keberkesanan dasar yang dilaksanakan itu, semangat dan penglibatan aktif kerajaan semata-mata tidak cukup untuk menjamin kejayaan. Pihak usahawan Bumiputera sendiri perlu memberi tindak balas yang sama, sedia mengambil peluang yang terbuka dan memainkan peranan mereka secara aktif. Jelas bahawa berbagai-bagai usaha telah diambil untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi supaya tidak ketinggalan daripada kaum-kaum lain.

Pendapat umum menyatakan bahawa Bumiputera masih lagi mencari-cari di dalam keadaan peluang perdagangan dan perusahaan yang sudah sedia ada. Di dalam keadaan sedemikian, Bumiputera yang diberi kemudahan dan insentif seakan-akan tidak tahu untuk menggunakannya dan gagal memberi tindak balas sewajarnya. Situasi ini mungkin merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kegagalan mereka.

Masalah-masalah yang sering dikaitkan dengan usahawan Bumiputera ialah masalah sikap, masalah sumber usahawan, dan peranan kerajaan serta kelemahan strategi yang diambil untuk pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) itu sendiri. Dari segi sikap, usahawan Bumiputera dikatakan bersikap negatif seperti tidak tekun, tidak berdaya saing dan tidak berdaya tahan berbanding dengan masyarakat bukan Bumiputera khususnya kaum Cina. Kekurangan budaya niaga di kalangan masyarakat Bumiputera bertambah rumit apabila didapati juga usahawan Bumiputera kurang mahir untuk meletakkan mereka setanding dengan masyarakat usahawan lain. Kekurangan ini berkait rapat dengan penawaran sumber tenaga manusia, iaitu walaupun pengeluaran sumber tenaga Bumiputera masih banyak, mereka belum begitu cenderung dan terlatih dalam aspek-

aspek keusahawanan. Selanjutnya, kelemahan dari segi pelaksanaan strategi program yang lebih mementingkan pembangunan persekitaran yang sesuai telah mewujudkan iklim perdagangan yang terkawal. Atas hakikat ini, MPPB menjadi terlalu bergantung kepada kerajaan dan tidak berupaya bertahan dan bersaing apabila timbul kesulitan.

Sehingga kini, masih banyak lagi persoalan penting, khususnya mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi bekalan usahawan dan tahap keusahawanan Bumiputera, yang belum mendapat jawapan yang konkret. Analisis mengenai konsep keusahawanan dari segi pengusaha, keluarga dan persekitarannya adalah isu penting untuk diteliti.

Ini membawa kepada perbincangan seterusnya terhadap orientasi dan pendekatan teori-teori keusahawanan dan kajian yang berkaitan bagi menerangkan gejala-gejala yang sebenarnya terlibat di dalam perkembangan usahawan dan keusahawanan sebagaimana yang didapati di negara ini.

Konsep Dan Teori Keusahawanan

Perbincangan akan menumpukan kepada dua perkara. Pertama, konsep-konsep dan fakta-fakta yang berkaitan dengannya; dan kedua, teori-teori keusahawanan.

Fungsi penanggung risiko mula dikaitkan dengan aktiviti keusahawanan sejak dari mula perkataan *entrepreneur* digunakan pada abad ke-18 oleh Richard Cantillon (Long W., 1983: 47). Beliau menyifatkan usahawan sebagai individu yang bekerja sendiri, menanggung risiko dan tertakluk kepada aktiviti dan permintaan pasaran. Fungsi risiko usahawan ini terus diperkembangkan oleh penulis-penulis lain dalam masa yang berikutnya. Misalnya, J.B. Say membincangkan fungsi keusahawanan dalam perspektif yang lebih luas dengan menekan kepada faktor-faktor pengeluaran dan keupayaan pengurusan dan fungsi penanggungan risiko sebagai faktor penting untuk menjadi usahawan yang berjaya. Tema yang memberatkan soal keupayaan pengurusan untuk berjaya diulangi kembali oleh Frank Knight dan Harvey Leibenstein (1970) dalam pertengahan abad ke-20. Joseph Schumpeter (1934) merupakan orang yang mula-mula sekali menekankan fungsi inovasi dan kreativiti sebagai faktor utama keusahawanan. Mengikut

beliau, sebagaimana yang dipetik oleh Long, "entrepreneurship is at its essence the finding and promoting of new combinations of productive factors" (Long W., 1983: 54).

Wayne Long (1983) telah merumuskan bahawa para pengkaji keusahawanan telah menumpukan pemerhatian kepada tiga tema utama. Pertama, soal ketidaktentuan dan menanggung risiko; kedua, keupayaan mengurus dan ketiga, kreativiti dan inovasi. Satu lagi tema penting yang telah diutarakan ialah *opportunistic*. Tema ini sering diulang oleh beberapa pengkaji seperti Olson (1986), Gartner (1985), Long dan Ohtani (1986) dan lain-lain. Olson, misalnya, telah mendefinisikan usahawan sebagai pembuat keputusan yang mengambil peluang dan kesempatan melalui perubahan-perubahan pasaran dan teknologi. Para pengkaji seolah-olah tidak dapat mencapai satu persetujuan yang konkret mengenai apakah yang dimaksudkan dengan usahawan itu. Definisi tentang usahawan didapati berubah-ubah dengan adanya perubahan dari segi konsep perusahaan dan bentuk hak milik.

Perlu ditekankan di sini bahawa kesemua definisi dan kajian yang telah dijalankan itu dibuat berlatar-belakangkan negara-negara maju. Dengan demikian,

penemuan dan definisi yang sama sukar digunakan di negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Selanjutnya definisi yang telah dibuat beranggapan bahawa usahawan itu adalah seorang individu. Pendapat ini telah dipertikaikan kerana dalam beberapa bentuk perusahaan, lebih daripada seorang diperlukan untuk menjalankan kerja. Ini menimbulkan pelbagai konsep usahawan. Umpamanya Carland telah mengutarakan dua definisi berasingan yang membezakan antara usahawan dengan pemilik perusahaan kecil (Carland, 1984).

Dari tinjauan ke atas definisi usahawan, beberapa ciri didapati perlu untuk seseorang individu dianggap sebagai usahawan. Pertama, beliau mestilah inovatif dari segi mendapat ide-ide baru dalam mengembangkan faktor-faktor pengeluaran. Kesemua perlakuan inovatif tersebut mungkin tulen, disesuaikan atau diperbarukan. Kedua, beliau perlu bersifat strategik dalam pengurusan. Ketiga, beliau mestilah seorang yang *opportunistic*, sentiasa mengambil peluang-peluang yang ada di sekitarnya; dan keempat, beliau mestilah berani menanggung risiko dan peka terhadap perubahan-perubahan yang ada. Keempat-empat ciri tersebut: inovatif, pengurusan strategik, oportunistis, dan berani menanggung

risiko serta berorientasikan perubahan, merupakan ciri-ciri yang penting dalam mengendalikan perusahaan.

Terdapat juga beberapa faktor lain yang telah dikaitkan dengan pemilihan kerjaya sebagai usahawan. Faktor tersebut dapat dikategorikan sebagai pengaruh psikologi ke atas individu, kesan pengalaman latar belakang, dan kerjaya sebelumnya dan ciri-ciri peribadi.

Mc Clelland telah memberi sumbangan yang utama dari segi kesan psikologi ke atas keusahawanan. Kajian-nya yang berteraskan kepada keperluan kepada pencapaian atau N. Ach telah menekankan betapa pentingnya pengaruh faktor tersebut ke atas individu. Beliau berpendapat bahawa mereka yang mempunyai ciri-ciri tersebut lebih bertanggungjawab, sedia menanggung risiko yang sederhana dan inginkan hasil yang konkret (Mc Clelland, 1961: 207).

Sehubungan dengan ciri-ciri tersebut terdapat ramai lagi pengkaji yang mengaitkan ciri-ciri psikologi dengan kewujudan keusahawanan (Welsh dll, 1982; J. Hornaday, 1971; D. Sexton dll, 1983). Antara ciri-ciri psikologi yang telah diidentifikasi ialah keyakinan diri, perhubungan interpersonal, sanggup menghadapi

cabaran, kebolehan mengawal dan mengarah, berdedikasi, peka, dan mempunyai wawasan.

Pengaruh pengalaman kerjaya didapati mempunyai kaitan dengan penubuhan firma-firma baru (Cambers dll, 1988; Brockhaus, 1986; Weinruch, 1981). Brockhaus berpendapat bahawa pengalaman kerja lalu dapat mempengaruhi seseorang itu menjadi usahawan. Antara perubahan yang dikaitkan dengan faktor ini ialah ketidakpuasan dalam pekerjaan, kerjaya yang berubah-ubah (*mid-career change*), dan kerjaya yang tidak mencabar. Weinruch pula mendapati bahawa keinginan untuk bertukar kerjaya paling banyak sekali berlaku di kalangan mereka yang berumur antara tiga puluh lima hingga lima puluh tahun. Brockhaus berpendapat bahawa ketidakpuasan dengan kerjaya lama menjadi faktor penolak (*push-factor*) bagi individu memulakan perniagaannya. Faktor tersebut bukan sahaja membuat beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya lama, malah ia menyakinkan individu itu bahawa tidak ada kerjaya lain selain daripada menjadi usahawan yang akan memberi alternatif yang sebaiknya.

Latar belakang individu juga menjadi tumpuan pengkaji-pengkaji keusahawanan. Beberapa pembolehubah

telah dikaitkan dengan faktor ini, iaitu termasuk jantina, umur, pendidikan, tempat tinggal, tahap perkahwinan, kedudukan dalam keluarga, galakan dari luar, bidang pekerjaan yang lepas, dan pengalaman kerjaya yang lepas (Petrof, 1981).

Pencapaian pendidikan dianggap faktor yang paling penting dalam menentukan kejayaan sebagai usahawan. Hornaday dan Tieken (1983) mendapati bahawa sebelum ini pendidikan tidak begitu perlu bagi seseorang untuk menjadi usahawan. Dengan perkembangan teknologi dan persaingan, pencapaian pendidikan didapati penting. Sementara itu Brockhaus dan Nord (1979) mendapati tahap pendidikan usahawan kurang daripada apa yang dicapai oleh pengurus-pengurus. Mengikut penemuan mereka, usahawan mendapat tempoh pendidikan selama 13.57 tahun berbanding dengan 15.74 bagi pengurus-pengurus.

Satu faktor lagi yang dianggap penting dalam mempengaruhi aktiviti keusahawanan ialah kewujudan rangkaian hubungan yang membolehkan sumber-sumber dan peluang yang membawa faedah disalurkan kepada usahawan. Hubungan tersebut boleh didapati melalui dua bentuk perhubungan, iaitu hubungan yang informal yang berlaku secara langsung di antara individu dengan individu-

individu lain, dan hubungan yang lebih meluas dengan organisasi (*extended network*) (Howard Aldrich dkk, 1986). Aldrich berpendapat bahawa keusahawanan adalah peranan sosial yang tidak boleh wujud secara bersendirian atau dibicarakan secara berasingan tanpa mengambil faktor-faktor interaksi yang berlaku di sekitarnya. Pemberatan ke atas soal rangkaian hubungan turut diulangi oleh Norman (1977) dan Johanisson (1987). Mengikut Norman, aktiviti rangkaian hubungan itu bukan hanya dilakukan oleh individu sahaja, malah meliputi keseluruhan organisasi, komuniti atau syarikat yang dianggotai. Johanisson pula mementingkan hubungan antara organisasi yang boleh mempertingkatkan keupayaan firma dan memudahkan perubahan dan perkembangannya.

Teori Keusahawanan

Terdapat tiga pendekatan umum dalam memahami tentang teori keusahawanan, iaitu pendekatan ekonomi, sosiobudaya dan psikologi.

Pendekatan ekonomi menganalisis dua kategori, iaitu makro dan mikro. Antara pengasas utama pendekatan ini ialah Schumpeter dan Penrose. Pendekatan ekonomi secara makro membuat penelitian ke atas faktorfaktor yang mempengaruhi bakal usahawan seperti

punca bekalan barang baru, dan penubuhan sebuah organisasi yang baru.

Tema inovatif turut dibawa oleh Penrose (1960). Beliau menekankan bahawa mengenal pasti dan seterusnya mengeksplorasikan sebarang ide yang oportunitis ialah aspek yang diperlukan bagi usahawan. Pendapat beliau turut disokong oleh Kirzner (1975).

Pendekatan inovasi diberi nafas baru oleh pengkaji masa kini seperti Peter Drucker (1985). Menurut beliau, keusahawanan itu melibatkan praktik dan disiplin. Beliau tidak membincangkan kewujudan ciri-ciri personaliti sebagaimana yang diusulkan oleh para pengkaji terdahulu, tetapi menekankan kepada perlakuan dan tindakan. Mengikut Drucker, inovasi itu datangnya daripada punca-punca dalaman dan luaran. Antara punca-punca dalaman termasuklah inovasi berdasarkan proses keperluan, perubahan-perubahan dari segi struktur pasaran dan industri, dan kejayaan yang tidak diduga. Punca-punca luaran pula termasuklah perubahan demografi, perubahan dari segi persepsi, dan kewujudan pengetahuan baru. Selanjutnya, Drucker juga tidak menyifatkan keusahawanan itu sebagai menanggung risiko. Sebaliknya, risiko itu timbul kerana menurutnya

"...so few of the so called entrepreneur know what they are doing. They lack the methodology. They violate elementary and well-known rules"

(Drucker, 1985: 26).

Pendekatan sosiobudaya meneliti perkembangan keusahawanan dari perspektif nilai budaya dan perubahannya. Antara pengasas orientasi sosiologi ialah Frank W. Young, Weber (1930), dan T. Cochran (1965). Pendekatan ini telah menerangkan keusahawanan sebagai fungsi masyarakat dan juga fungsi ciri-ciri sosiobudaya yang terkandung di dalam masyarakat tersebut. Pendekatan ini juga telah mengolah teorinya dalam dua perspektif, iaitu melalui *role theory* dan analisis terhadap perubahan nilai sosiobudaya dan implikasinya ke atas keusahawanan.

Mengikut T. Cochran, elemen penentu perkembangan keusahawanan ialah nilai-nilai budaya, peraturan yang dijangkakan (*role expectation*) dan isbat sosial (*social sanctions*). Keusahawanan dianggap sebagai model personaliti dalaman, ianya telah dibentuk melalui praktik pengasuhan kanak-kanak dan persekolahan.

Young pula menekankan kepada fungsi *subgroup* yang bersifat reaktif apabila mengalami beberapa perubahan, antaranya ialah apabila mereka mengalami pengiktirafan

yang rendah atau apabila mereka dihalang memasuki rangkaian sosial yang penting. Sikap reaktif tersebut menurutnya boleh mewujudkan gerak laku yang berorientasikan keusahawanan.

Young melihat individu sebagai katalis dan ketua kumpulan yang reaktif yang merupakan pusat segala aktiviti keusahawanan. Apabila pergerakan atau mobiliti kumpulan tersebut ditahan, mereka akan mengalami status *withdrawl* dan selanjutnya menyediakan saluran-saluran tertentu yang membolehkan individu-individu yang berkaliber dalam kumpulan tersebut menjalankan fungsi keusahawanan.

Weber pula menerangkan gerak laku keusahawanan melalui konsep etika Protestan. Ajaran agama tersebut menyediakan semangat kapitalisme yang penting dalam membentuk sikap pemikiran yang rasional terhadap kepentingan pengumpulan harta. Mengikut Weber, pegangan agama yang kuat menghasilkan cara pemikiran rasional dan cara hidup yang berjimat cermat, sesuai untuk mewujudkan usahawan yang berkesan dan berjaya. Teori Weber mendapat kritikan daripada berbagai-bagai pihak. Mc Clelland (1961) dan Hagen (1962), umpamanya, mendapati bahawa pengaruh agama bukan faktor utama

untuk membentuk usahawan. Para pengkritik juga berpendapat bahawa faktor-faktor yang dikemukakan oleh Weber juga kurang tepat. Umpamanya, kapitalis zaman Weber tidak boleh disamakan dengan kapitalis masa kini yang tidak menyifatkan aktiviti mereka semata-mata sebagai satu panggilan agama. Sebaliknya, mereka menganggap kedua-dua kegiatan ekonomi dan agama itu sama pentingnya.

Pendekatan psikologi mementingkan sifat-sifat yang perlu untuk menjadi usahawan. Antara pengasas utama pendekatan ini ialah Mc Clelland (1961), Hagen (1962) dan Kunkel (1964). Walau bagaimanapun, pendekatan psikologi yang lebih awal lagi pernah dihuraikan oleh Max Weber secara *implicit* apabila beliau menghuraikan konsep pencapaian sebagai motif *psychological* sebagaimana yang terkandung di dalam etika Protestan. Motif psikologi yang diutamakan oleh Mc Clelland merupakan lanjutan daripada konsep Weber tersebut.

Mc Clelland secara *explicit* menekankan kepada kaitan motif keperluan pencapaian dengan perlakuan ekonomi. Menurut beliau, keperluan kepada pencapaian ialah faktor yang menghasilkan usahawan.

Teori Hagen menekankan kepada fungsi *status withdrawal* sebagai penyebab sifat individu. Beliau menjelaskan bahawa personaliti yang kreatif, mahukan pencapaian dan authoritarian wujud apabila suatu kumpulan itu mengalami kenaikan taraf atau kejatuhan taraf. Pembentukan peribadi tersebut akan berlaku dalam satu evolusi sekurang-kurangnya dalam masa lima generasi. Hagen telah mengidentifikasi faktor amalan pengasuhan sebagai elemen utama mewujudkan personaliti keusahawanan tersebut.

Kunkel membincangkan bekalan usahawan melalui *behavioristic model*. Gerak laku usahawan adalah fungsi kepada susunan sosial, baik pada masa lalu atau masa kini, dan dapat dipengaruhi oleh perangsang sosial dan ekonomi.

Walaupun teori psikologi dapat memberi penerangan terhadap *motivational disposition* dan kesannya terhadap gerak laku keusahawanan, ciri-ciri psikologi tersebut bukanlah merupakan faktor penentu di dalam menentukan penglibatan dan kejayaan individu di dalam keusahawanan.

Apa yang dapat dirumuskan ialah pendekatan kajian-kajian yang telah dibuat mengemukakan faktor penting di dalam perkembangan keusahawanan. Konsep keusahawanan telah mengutamakan beberapa faktor seperti pembaharuan, pencapaian dan ciri-ciri personaliti yang dianggap fundamental dalam kewujudan usahawan.

Beberapa Kajian Keusahawanan di Negara Membangun

Seperti yang telah disentuh lebih awal, beberapa kajian telah dibuat di negara-negara membangun. Tinjauan terhadap kajian-kajian ini dianggap berkaitan dan penting dari segi pemahaman dan hubungan keusahawanan negara tersebut dengan pendekatan teori yang telah dibincangkan tadi. Penelitian kajian ini juga penting dalam konteks pemahaman perkembangan usahawanan negara ini memandangkan wujud pola-pola persamaan aspek sosioekonomi dengan negara-negara membangun yang lain.

Perkembangan penulisan mengenai keusahawanan di negara-negara membangun amat pesat dalam tahun 60-an. Ini termasuklah kajian-kajian yang dijalankan di India, Turki, Indonesia, Filipina, Lebanon, Pakistan, Nigeria dan Mexico. Secara amnya, penulisan-penulisan tersebut

menggambarkan rentak pemikiran ekonomi semasa yang kian memberi perhatian kepada kepentingan keusahawanan sebagai salah satu faktor pertumbuhan ekonomi. Penekanan dibuat kerana meningkatnya penggunaan alat-alat pengukuran sains sosial dalam menjalankan kajian-kajian ke atas pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Dengan ini kebanyakan pendekatan kajian tersebut lebih menjurus ke arah ekonomi, tetapi asas metodologi yang digunakan lebih berorientasikan sosiologi.

Penulis-penulis tersebut berpendapat bahawa bekalan usahawan merupakan pembolehubah utama yang mengaitkan faktor-faktor sosiobudaya dengan kadar pertumbuhan ekonomi. Antara penulis-penulis utama termasuk James J. Berna (1960), Alec P. Alexander (1960), Yusuf A. Sayigh (1965) dan Caroll (1965).

Apa yang dapat dirumuskan daripada kajian-kajian yang telah dibuat ialah bahawa wujudnya beberapa pola persamaan dalam perkembangan keusahawanan di negara-negara tersebut walaupun keadaan sosial dan ekonomi berbeza di antara satu sama lain. Hampir semua kajian menekankan kepada kepentingan perubahan iklim sosi-ekonomi dalam merangsang tindak balas keusahawanan. Kajian-kajian itu juga menekankan bukan saja kepada

faktor sosial, malah turut mementingkan faktor ekonomi dalam menimbulkan rangsangan tersebut.

Kajian-kajian Keusahawanan di Malaysia

Terdapat beberapa kajian mengenai usahawan Bumiputera di Malaysia. Antaranya ialah kajian Oliver Popenoe (1970), Charlesworth (1974), Abdul Rahim Said (1974), Fatimah Daud (1975), Abd. Aziz Mahmud (1977), Mohd Fauzi Yaacob (1978), Amir Sharifuddin (1983) dan Humam Mohamed (1990).

Dari kajian-kajian Popenoe, Charlesworth, Fatimah Daud dan Abd. Aziz Mahmud boleh dirumuskan bahawa adanya cubaan menganalisis dan mengetahui bagaimana faktor-faktor sosiobudaya, sosial, ekonomi, latar belakang dan pengalaman keusahawanan mempengaruhi dan membawa kesan ke atas kewujudan dan peningkatan prestasi usahawan. Kajian-kajian itu juga membuat perhatian ke atas hubung kait faktor-faktor yang tersebut di atas dengan keadaan sekeliling, termasuk langkah-langkah pentadbiran dan penggubalan dasar kerajaan sebagai rangsangan kepada pertumbuhan dan perkembangan usahawan Bumiputera. Hampir kesemua kajian menumpukan kepada usahawan Bumiputera secara am,

tanpa membuat analisis tertentu kepada mana-mana satu bidang yang khusus.

Beberapa faktor baru telah diwujudkan oleh Mohd. Fauzi Yaacob, Amir Sharifuddin dan Humam Mohamad iaitu faktor motif, infrastruktur sekeliling dan latihan. Mohd. Fauzi Yaacob dalam kajiannya terhadap 186 peniaga Melayu Kota Bahru, Kelantan merumuskan bahawa usahawan-usahawan di dalam sampelnya bermotif pecuniary iaitu mereka mahu mendapat kekayaan dan seterusnya penghormatan apabila tahap ekonominya meningkat lebih tinggi. Kajian beliau merumuskan bahawa faktor-faktor ekonomi memainkan peranan yang lebih penting daripada faktor-faktor sosial dalam mempertingkatkan keusahawanan Bumiputera. Ini disebabkan wujudnya iklim ekonomi yang menggalakkan yang bertindak sebagai *push factor* kepada Bumiputera untuk melibatkan diri dalam perdagangan dan perusahaan. Walau bagaimanapun, mereka yang benar-benar boleh digolongkan sebagai usahawan hanya sebahagian kecil sahaja kerana kebanyakannya daripada sampel yang dikaji masih menjalankan kegiatan berbentuk tradisi.

Amir Sharifuddin telah membuat kajian terhadap 92 usahawan Bumiputera Kelantan. Mereka terdiri daripada peminjam MARA dan 44 pegawai dari agensi-agensi

kerajaan dan sektor swasta. Kajian ini bertujuan mengkaji perkembangan usahawan Bumiputera dan mendekatkan jurang pengetahuan antara agensi dan institusi-institusi yang berkaitan dengan pembangunan usahawan yang memerlukan bantuan agensi dan institusi tersebut.

Di antara lain kajian menunjukkan bahawa usahawan-usahawan yang dikaji tidak cukup bersedia dari segi pengetahuan dan kebolehan keusahawanan untuk memasuki lapangan perniagaan dan perusahaan. Beliau selanjutnya merumuskan bahawa usahawan Bumiputera beroperasi dalam keadaan sekeliling yang agak dingin dan tidak menggalakkan dari segi memenuhi keperluan-keperluan usahawan seperti kewangan, infrastruktur dan pengurusan.

Kajian Humam Mohamed pula tertumpu kepada pembangunan usahawan Bumiputera. Hasil kajiannya telah menunjukkan bahawa keperluan latihan usahawan tidak mencukup. Bumiputera menurut Humam memerlukan lebih banyak lagi bantuan daripada kerajaan. Walaupun demikian, bantuan-bantuan yang ada kini telah menghasilkan *green house effect* hingga menjadikan Bumiputera terlalu bergantung kepada kerajaan. Untuk mengatasi masalah tersebut, Humam menyarankan supaya program-program yang sedang dijalankan itu dikaji

semula. Beliau selanjutnya merumuskan bahawa terdapat perubahan positif mengenai persepsi Bumiputera terhadap penglibatan dalam perdagangan dan perindustrian terutama sekali dari segi menyimpan wang untuk masa hadapan dan kesinambungan usaha yang dijalankan.

Selain kajian-kajian ke atas usahawan secara terperinci seperti yang disebutkan di atas, terdapat beberapa kajian yang telah meneliti ciri-ciri ekonomi orang Melayu, terutama sekali mengenai kemiskinan dan penglibatan orang Melayu di dalam bidang ekonomi. Kajian-kajian itu cuba mengolah kedudukan dengan membuat penelitian menggunakan pendekatan *social-cultural-structural* (P.R. Snodgrass, 1980).

Beberapa kajian dan penulisan berbentuk radikal berpendekatan ekonomi politik khususnya mengenai penyerapan kuasa (politik) dalam ekonomi negara dan juga implikasi polisi DEB dalam ekonomi dan politik negara turut dibuat di dalam memahami pergolakan ekonomi, politik dan tidak secara langsung penglibatan Bumiputera dalam perniagaan (Mehmet Ozay, 1988; Jomo K.S., 1988; E.T. Gomez, 1990).

Secara amnya penulisan-penulisan tersebut telah merumuskan bahawa di dalam melaksanakan DEB, beberapa fenomena baru timbul atau diperkuatkan lagi. Antaranya ialah sistem politik bercorak patrimonial. Keadaan ini wujud apabila kerajaan menubuhkan beberapa agensi dan badan amanah yang diberi peruntukan kewangan yang besar dan ditugaskan merangsang pertumbuhan keusahawanan Bumiputera melalui pengagihan peruntukan. Langkah tersebut sebaliknya telah menggalakkan fenomena seperti 'mentaliti subsidi' dan *rent seeking behaviour* di kalangan beberapa kumpulan tertentu untuk mendapat faedah daripada pengagihan tersebut. Keadaan ini telah memperkuatkan fenomena *patron-client* di dalam politik Malaysia. Selanjutnya, penguasaan punca ekonomi oleh kerajaan telah memperkuatkan kuasa mereka yang memegang teraju kuasa. Apa yang ketara di sini ialah wujudnya penggabungan antara politik dengan ekonomi. Keadaan ini juga telah mewujudkan sekumpulan kecil *bourgeoise birokrat* atau *bourgeoise Melayu* yang berkuasa dan kaya.

Beberapa kajian empiri mengenai bidang ini telah dilakukan oleh mahasiswa-mahasiswa institut pengajian tinggi tempatan. Secara amnya, kajian-kajian tersebut berbentuk deskriptif tanpa banyak menitikberatkan teori-teori, khususnya teori keusahawanan. Adalah diperhatikan bahawa penekanan kajian berubah sedikit

daripada kajian-kajian perniagaan Bumiputera secara am dalam tahun 70-an kepada penglibatan Bumiputera di dalam perniagaan dan perusahaan tertentu dalam tahun 80-an. Walau bagaimanapun, isu-isu yang dibincangkan hampir sama bentuknya, iaitu berkisar kepada masalah pengurusan, kewangan, dan prestasi.

Selain kajian dan penulisan di atas, terdapat juga penulisan dan laporan yang meneliti masalah masa kini usahawan, misalnya laporan-laporan Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi, Permodalan Nasional Berhad, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kertas-kertas kerja Kongres Ekonomi, dan juga makalah-makalah daripada majalah tempatan seperti *Mastika* dan *Malaysian Business*.

Antara isu-isu yang lazim dikemukakan oleh laporan dan penulisan-penulisan di atas ialah:

- i. kedudukan dan keupayaan usahawan Bumiputera menghadapi cabaran dan impak ketidakpastian ekonomi antarabangsa;

- ii. sejauhmana isu sosiobudaya, khususnya nilai dan sikap, mempunyai unsur negatif terhadap *entrepreneurial behavior*, masalah intra etnik dan perlunya mengubah sikap negatif itu; dan

iii. isu-isu kesan impak dasar dan perlunya mengubah struktur sosioekonomi yang mempengaruhi prestasi dan bekalan usahawan Bumiputera.

Walaupun kajian-kajian telah cuba menghuraikan pelbagai persoalan berkaitan dengan sikap individu dan hubung kaitnya dengan struktur serta nilai sosio-budaya, organisasi dan pengaruh keadaan sosioekonomi, masih terdapat banyak lagi persoalan dan bidang yang perlu dikaji.

Objektif dan Skop Kajian

Kajian ini bertujuan mendapatkan beberapa rumusan dan penemuan mengenai perkembangan usahawan dan ke-usahawanan Bumiputera serta masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera dalam sektor industri. Tumpuan kajian meneliti dua aspek utama, iaitu:

- i. mendapatkan profil sosial dan ekonomi secara terperinci; dan
- ii. menilai kedudukan usahawan (industri kecil) dalam konteks masyarakat keseluruhannya.

Bidang dan skop kajian akan menumpukan kepada penglibatan usahawan Bumiputera dalam sektor industri kecil. Perbincangan akan meliputi tiga dimensi utama. Pertama, perkembangan dan pembentukan MPPB secara menyeluruh dengan memberi tinjauan ke atas peranan pihak berkuasa di dalam memajukan penglibatan Bumi-putera dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Dimensi kedua meliputi analisis ke atas profil Bumiputera yang berkecimpung dalam sektor ini dengan menyentuh pemboleh ubah yang mempengaruhi penglibatan dalam bidang keusahawanan. Dimensi ketiga cuba mengolah persepsi responden terhadap kedudukan mereka dalam masyarakat.

Kenyataan Masalah

Latar belakang dan hasil kajian tempatan yang telah dijalankan memaparkan beberapa perkara utama di dalam membangunkan usahawan Bumiputera. Antaranya ialah:

1. wujudnya sifat dan sikap yang tidak berorientasikan kepada budaya perniagaan, iaitu sifat dan sikap tersebut ditentukan oleh

faktor sosiolisasi, struktur dan nilai budaya orang Melayu sendiri;

2. faktor-faktor *organizational* (seperti struktur organisasi, punca-punca organisasi, dan prestasi organisasi) dan kemahiran yang masih rendah tahapnya sehingga melembabkan perjalanan usaha-usaha yang dibuat. Rintangan-rintangan ini selanjutnya diperkuatkan oleh faktor-faktor seperti latar belakang luar bandar Bumiputera dan tahap pelajaran yang rendah;
3. kurangnya institusi-institusi sosioekonomi bagi membantu Bumiputera; dan
4. kelemahan birokrasi di dalam mengkonsepsikan dan menjalankan rancangan pembangunan usahawan.


Model

Penemuan-penemuan kajian akan dianalisiskan dalam satu rangka kerja atau model yang menentukan secara *a priori* jenis persoalan yang diwujudkan dan pembolehubah

yang diteliti. Berlandaskan persoalan dan isu-isu yang telah dibincangkan lebih awal tadi, tumpuan kajian adalah kepada dua aspek penting, iaitu aspek makro dan mikro. Aspek makro meneliti perkembangan usahawan Bumiputera dalam perspektif perubahan sosioekonomi.

Aspek ini juga akan menganalisis kewujudan dan perkembangan usahawan Bumiputera dalam konteks perubahan sosioekonomi (dan politik) yang berlaku di negara ini. Perkara utama di dalam aspek ini ialah analisis ke atas *policy input* yang telah dibuat untuk menggalakkan keusahawanan. Aspek mikro pula akan cuba meneliti kepada ciri-ciri yang terperinci seperti latar belakang peribadi dan organisasi usahawan yang mempengaruhi penglibatan, perkembangan dan prestasi usahawan. Perbincangan akan cuba menganalisis hubung kait di antara kedua-dua aspek tersebut. Penjelasan terhadap model kajian adalah seperti rajah berikut:

Rajah 1.1
Model Kajian



Model di atas akan membawa kepada persoalan-persoalan utama kajian, iaitu:

1. bagaimanakah usahawan industri diwujudkan daripada masyarakat yang tidak ada dan kurang mempunyai budaya niaga dan tidak berorientasikan industri sebagai punca ekonomi;

2. apakah kesan faktor-faktor umum sosioekonomi ke atas penglibatan dalam keusahawanan;
3. apakah sikap yang diambil apabila berada di dalam bidang ini, sama ada inovatif, kreatif, bermotivasi dan sentiasa mengambil peluang yang sedia ada atau sekadar melibatkan diri tanpa mengambil inisiatif untuk mengembangkan usahanya;
4. apakah peranan jentera pemerintah di dalam menyediakan keadaan/iklim sosioekonomi sebagai rangsangan untuk menggalakkan perkembangan usahawan industri; dan
5. apakah ciri-ciri tindak balas antara usahawan dan faktor-faktor luarannya.

Hipotesis

Berasaskan latar belakang dan model yang dikemukakan, andaian-andaian kajian adalah seperti berikut:

1. individu yang menjalankan aktiviti industri mempunyai ciri-ciri untuk berdikari, bermotif untuk mencapai tahap ekonomi yang tinggi dan berani menanggung risiko seperti yang dijelaskan oleh beberapa teori keusahawanan tetapi lebih menunjukkan ciri imitatif dari pada pembaharuan seperti yang diutarakan oleh Schumpeter;
2. perkembangan dan kewujudan usahawan dan keusahawanan Bumiputera dalam sektor industri merupakan tindak balas kepada iklim sosio-ekonomi yang ada; dan
3. beberapa faktor sosioekonomi masih menjadi faktor penghalang terhadap penyertaan Bumi-putera dalam sektor industri.

Definisi

Usahawan industri dalam kajian ini ialah seseorang yang memiliki dan menjalankan perusahaannya sendiri yang berbentuk pemprosesan barang untuk menghasilkan produk-produk yang baru, imitatif atau diperbaharui

menggunakan jentera atau separa jentera dengan bantuan pekerja-pekerja.

Takrifan-takrifan ilmiah telah memberi definisi industri kecil dengan beberapa ciri tertentu antaranya:

- i. mempunyai pekerjaan di antara 10-49 orang (Vepa, Ram K, 1967);
- ii. mempunyai modal yang kecil, iaitu kurang daripada US\$40,000 (Stanley, Eugene, Morse, 1965); dan
- iii. tidak ada atau kurang pengkhususan dalam penggunaan tenaga dan pengurusan biasanya dijalankan oleh seorang individu atau dengan bantuan beberapa orang pembantu (Stepanek, Joseph E, 1960)

Manakala takrifan industri kecil dari beberapa agensi kerajaan membawa unsur-unsur berikut:

- i. mempunyai modal pelaburan yang kecil iaitu kurang daripada RM300,000 (Bank Pembangunan, 1990) atau RM500,000 (KPPA, 1990) atau RM25,000 (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 1990).
- ii. mempunyai pekerja-pekerja kurang daripada 50 orang (KPPA, 1990).

Untuk tujuan kajian ini, industri kecil ialah pertubuhan yang mempunyai jumlah modal berbayar permulaan sebanyak RM500,000 dan ke bawah, dan mempunyai kurang dari 50 orang pekerja.

Kaedah dan Subjek Penyelidikan

Kajian empiri ini lebih merupakan *exploratory*. Sebagaimana yang disebutkan tadi, kajian akan menumpukan kepada faktor-faktor makro dan mikro di mana satu profil usahawan industri Bumiputera akan dapat dibentangkan. Populasi sasaran penyelidikan ini adalah usahawan-usahawan industri kecil. Pengusaha-pengusaha ini dipilih memandangkan sebahagian besar pengusaha Bumiputera adalah di dalam sektor industri kecil dan ia

menjadi sektor yang penting dalam perkembangan ekonomi negara. Kajian ini akan berbentuk kajian kes ke atas usahawan-usahawan industri Bumiputera di satu tempat yang dipilih, iaitu di Kuala Lumpur.

Data Yang Diperlukan

Data-data *primary* didapati daripada subjek sendiri; orang perseorangan dari kementerian atau jabatan kerajaan; persatuan-persatuan pengilang dan badan-badan swasta yang terlibat secara langsung dengan pembangunan MPPB.

Data-data *sekunder* didapati daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Statistik, Dewan Perniagaan, dan kawasan pentadbiran tempat yang akan dikaji. Untuk menguji hipotesis dan persoalan yang dibuat, data-data yang diperlukan ialah:

- a. keadaan sosioekonomi, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan usahawan dan perindustrian;
- b. pemboleh ubah yang mempengaruhi perkembangan usahawan industri;

- c. profil individu dan organisasi;
- d. peranan kerajaan dan keberkesanan peralatan sosioekonomi; dan
- e. usahawan dalam masyarakatnya.

Batasan Kajian

Batasan yang perlu dibuat untuk kajian ini ialah:

- a. dimensi masa - kajian mengambil kira tempoh perjalanan DEB, iaitu 1970-1990, iaitu cut off-point yang penting ialah tahun 1970-an dan 1980-an iaitu perbandingan boleh dibuat dalam tempoh tersebut;
- b. dimensi kawasan - kajian akan menumpukan kepada satu tempat tertentu. Dengan yang demikian, mungkin hasil yang didapati tidak mewakili populasi usahawan industri seluruhnya; dan
- c. dimensi organisasi - kajian akan menumpukan kepada industri kecil sahaja. Kesukaran timbul di dalam menentukan saiz industri

apabila ia terlalu kecil baik dari segi modal maupun pekerja. Ini bermakna usahawan di dalam industri-industri tersebut akan ditinggalkan.

Pengumpulan Data dan Kaedah

Pengumpulan data akan dilakukan secara soal selidik yang telah disediakan dan temu bual berstruktur dan informal. Subjek-subjek yang akan ditemuramah ialah usahawan-usahawan, pegawai-pegawai kerajaan, swasta dan badan berkanun yang berkaitan dan beberapa *key informants*. Temuramah yang menggunakan soal-selidik sebagai cara mendapatkan data perlu disokong pula pada peringkat tertentu dengan pemerhatian dan temuramah tidak rasmi.

Untuk tujuan kajian ini, seramai 46 usahawan, iaitu 88.5% daripada 52 usahawan industri kecil Bumi-putera yang beroperasi di kawasan Kuala Lumpur dikaji. Mereka ini bergiat dalam kesemua jenis industri, iaitu yang berasaskan kayu, industri makanan, kejuruteraan ringan, industri plastik dan getah. Nama-nama usahawan ini didapati melalui data-data yang terdapat di kementerian, jabatan, agensi dan persatuan yang berkenaan.

Ketepatan dan *reliability* kajian dipastikan dengan menentukan langkah-langkah yang bertepatan dari segi mengoperasikan konsep yang berkaitan dan dalam proses menjalankan kajian luar. Data-data statistik diuji dengan menggunakan pakej SPSS.

Organisasi Kajian

Kajian mengandungi enam bab. Bab Satu menumpukan kepada pengenalan kajian; usahawan Bumiputera: perkembangan, kepentingan dan masalah; konsep dan teori keusahawanan di negara membangun dan Malaysia; kenyataan masalah objektif, bidang dan skop; model dan hipotesis; pengumpulan data; dan kaedah dan sumbangan kajian. Bab Kedua membincangkan perkembangan MPPB secara am. Bab Ketiga membincangkan latar belakang kawasan kajian. Bab Keempat melaporkan profil usahawan yang menumpukan kepada pembolehubah sosioekonomi yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam bidang industri. Bab Kelima membincangkan tentang profil ekonomi usahawan. Bab Keenam menganalisis Bumiputera dalam konteks masyarakat keseluruhan. Bab Ketujuh menganalisis penemuan yang dibuat dan selanjutnya membuat kesimpulan dan saranan.

Sumbangan Kajian

Kajian ini boleh digunakan sebagai suatu perbandingan dengan kajian-kajian lain dalam bidang yang sama. Memandangkan belum banyak lagi kajian empirik mengenai pembangunan usahawan negara, khususnya kajian yang bertumpu kepada satu bidang tertentu, maka diharapkan kajian ini akan dapat memberi maklumat yang diperlukan oleh pelajar, para akademik dan mereka yang berminat di dalam bidang ini. Diharapkan juga penemuan kajian ini nanti akan dapat menjawab persoalan-persoalan yang sering ditimbulkan.

Dari segi sumbangan kepada masyarakat dan negara, diharapkan hasil kajian dapat memberi sumbangan positif terhadap usaha pembangunan usahawan, khususnya dan kewujudan komuniti perdagangan dan perindustrian Bumiputera amnya. Oleh sebab antara objektif kajian ialah untuk memahami dengan lebih terperinci lagi mengenai ciri-ciri dan masalah usahawan dan keusahawanan industri Bumiputera, dijangkakan hasil kajian akan dapat menjelaskan keadaan sebenar dan ini akan membantu pihak kerajaan dan mereka yang berkaitan menggubal perancangan yang lebih berkesan bagi membantu usahawan-usahawan Bumiputera.